

Headline	Sunway REIT sasar aset RM15 bilion		
MediaTitle	Kosmo		
Date	03 Oct 2019	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Niaga	Color	Full Color
Page No	38	ArticleSize	296 cm ²
Journalist	IKHWAN IDERIS	PR Value	RM 23,134



Sunway REIT sasar aset RM15 bilion

Oleh IKHWAN IDERIS

PPETALING JAYA – Sunway REIT Management Sdn. Bhd. (Sunway REIT), pengurus Sunway Real Estate Investment Trust (Sunway REIT) menyasarkan pegangan aset bernilai antara RM13 bilion hingga RM15 bilion bagi amanah pelaburan hartanah tersebut menjelang tahun kewangan tahun 2025.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Jerrey Ng berkata, pertambahan tersebut diperoleh menerusi pelan enam tahun, Transcend2025 yang baru dilancarkan.

Menurut beliau, jumlah tersebut hampir sekali ganda berbanding nilai hartanah di

bawah Sunway REIT sekarang yang berjumlah RM8.05 bilion.

ia meliputi 17 aset dalam segmen runcit, perhotelan, pejabat, perkhidmatan dan perindustrian.

Jelas beliau, bagi mencapai matlamat tersebut, pihaknya perlu mencari peluang untuk berkembang ke pasaran luar negara.

"Situasi hartanah domestik kekal mencabar dengan lebih bekalan dalam pelbagai kelas aset.

"Sehubungan itu, untuk menjadikan ia mencatat pertumbuhan maka ia perlu mencipta kepelbagaian secara geografi," katanya.

Beliau berkata demikian

pada sidang akhbar selepas Mesyuarat Agung Tahunan Sunway REIT di sini semalam.

Turut hadir Ketua Pegawai Kewangan Sunway REIT, Irene Sin.

Jerrey menerangkan, isu Brexit di United Kingdom menimbulkan kebimbangan pelbagai pihak dan banyak yang menyatakan kesediaan untuk menjual aset manakala pasaran Jepun yang matang juga menarik.

"Bagaimanapun masih terlalu awal bagi kami untuk menyasarkan pasaran tertentu, banyak yang perlu dilakukan kerana pengembangan ke luar negara melibatkan struktur pelaburan dan cukai yang berlainan," katanya.

Selain itu, Jerrey menjelaskan, sebahagian daripada strategi Transcend2025 turut melibatkan peningkatan pendedahan kelas asetnya dalam segmen giat membangun daripada 15 peratus buat masa ini kepada 25 peratus.

Tambah beliau, ia antara lain melibatkan industri e-dagang seperti gudang dan logistik, selain berkonsepkan pembinaan berdasarkan kesesuaian.

"Menerusi konsep ini, kami akan mengenal pasti tanah, mencari pelabur berpotensi dan membuat pembangunan berdasarkan keperluan pelabur tersebut untuk sewaan jangka panjang," katanya.



JERREY (kiri) bersama Irene melihat laporan kewangan Sunway REIT di Petaling Jaya semalam.